

1MDB bidas laporan The Edge

» Syarikat pelaburan minta pihak ada maklumat tampil bantu siasatan

Oleh Norakmah Mat Youb
norakmah@bh.com.my

► Kuala Lumpur


1 Malaysia Development Bhd (1MDB) membidas akhbar *The Edge Financial Daily* kerana menyiarkan pelbagai dakwaan dan kenyataan tidak berasas berkaitan syarikat itu, dengan yang terbaru semalam.

Syarikat pelaburan strategik milik kerajaan dalam satu kenyataan semalam, menyifatkan ia sebagai laporan tidak bertanggungjawab.

"Kami tidak menyangka dakwaan lapuk dan belum dibuktikan kesahihannya digunakan sekali lagi, sedangkan beberapa siasatan serentak kini sedang dijalankan pihak berkuasa berkenaan pelbagai tuduhan yang ditimbulkan sebelum ini," katanya.

Tampil bantu siasatan

1MDB meminta mana-mana pihak yang mempunyai maklumat supaya tampil memban-



FINANCIAL DAILY MAKE BETTER DECISIONS
www.theedgemarkets.com

MAKLUMAH
Sarawak Report blocked

HOW JHO LOW & PETROSAUDI CHEATED MALAYSIA OF US\$1.83B CASH

(AND US\$400M PAPER PROFIT) WITH HELP FROM 1MDB EXECUTIVES

Go to **Pages 19-22** to read among others:

- Why the joint venture was a scheme to defraud
- The trail of international money laundering
- How the US\$2.23 billion hole is covered up via termination of the Aabar options

Note from the Publisher: We have a public duty to find and report the truth. After this report, which could be our last, we will hand over everything we have to the authorities investigating 1MDB and assist in any way we can.

tu siasatan mengikut peruntukan undang-undang, tanpa perlu membuat laporan tidak bertanggungjawab dan mensensasikannya sehingga menimbulkan masalah.

1MDB antara lain mengulangi keyakinannya terhadap siasatan dijalankan Pasukan Petugas Khas dan pihak berkuasa yang berkaitan dalam mengendalikan siasatan secara telus serta bebas.

Laporan terbaru *The Edge Financial Daily*, semalam,

mendakwa ahli perniagaan, Low Taek Jho atau Jho Low dan PetroSaudi International Ltd merancang penipuan menjangkau berbilion-bilion ringgit dari Malaysia.

Pasukan Petugas Khas

Akhbar perniagaan tempatan itu menerbitkan laporan sebanyak empat muka surat berhubung isu berkenaan, selain mempamerkan carta aliran keluar wang berdasarkan penyata bank penerima dan

pengirim.

Awal bulan ini, Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail mengesahkan Pasukan Petugas Khas ditubuhkan untuk menyiasat 1MDB, termasuk dakwaan penyaluran dana ke akaun Datuk Seri Najib Razak.

Pasukan Petugas Khas itu dianggotai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Bank Negara Malaysia (BNM).

Muka hadapan *The Edge Financial Daily* semalam yang memaparkan artikel mengenai Jho Low dan PetroSaudi merancang penipuan berbilion-bilion ringgit dari Malaysia.